

DATE: 10/3/2008

Rakyat mahukan gelombang perubahan

Oleh SHAIFUL BAHRI SAIDIN

KETEWASAN kerajaan Barisan Nasional (BN) di empat negeri sememangnya tidak dijangka oleh sesiapa pun. Inikan pula untuk menawan kembali Kelantan. Malah pembangkang menyifatkan kemenangan besar mereka menggagalkan majoriti dua pertiga di Parlimen sungguh menakjubkan atas nama 'kuasa di tangan rakyat.'

Diteliti dari sudut demokrasi, pilihan raya tahun ini telah berjaya membuktikan bahawa masih wujud proses demokrasi yang sihat di Malaysia. Kali ini ia benar-benar menunjukkan keputusan pembentukan kerajaan adalah di tangan rakyat.

Di pihak BN, keputusan kali ini sungguh memeranjatkan. Siapa sangka kerajaan negeri Selangor dan Perak boleh tumbang kepada Pas, DAP dan PKR. Walaupun Kedah tidak pernah jatuh kepada pembangkang, namun saingan sengit sejak beberapa kali pilihan raya tidak menimbulkan kejutan jika negeri jelapang padi itu jatuh kepada Pas dan PKR. Pulau Pinang pula pernah dikuasai oleh pembangkang ketika Gerakan masih belum menyertai BN.

Banyak persoalan yang muncul di kalangan akar umbi bagaimana BN boleh kalah teruk kali ini. Lebih menarik di perbualan warung kopi ialah tumpasnya Selangor kepada pakatan Pas, DAP dan PKR. Apakah faktor yang sebenarnya pengundi beralih kepada pembangkang di Selangor?

Datuk Seri Mohamad Khir Toyo pasti akan melakukan pembedahan segera untuk mengenal pasti apa 'sakitnya' BN Selangor sehingga tumbang sebuah kerajaan negeri yang tidak pernah terfikir oleh sesiapa pun.

Apakah faktor isu tempatan, calon, sabotaj, perpaduan dan strategi menyebabkan BN kalah di Selangor? Jika ditanya kepada orang UMNO, jawabnya ialah ubah sikap pemimpin UMNO Selangor itu sendiri. Jangan ego, bongkak, berlagak dan bodoh sombong. Sifat sebeginilah yang menyebabkan pengundi Melayu khususnya muak dan meluut dengan gaya kepimpinan UMNO Selangor.

Hasilnya bara kemarahan dan simpanan dendam ini diterjemahkan melalui undian semasa pilihan raya. Dan ia berhasil apabila buat pertama kalinya BN menjadi pembangkang di bumi Selangor.

um- 10/3/2008

PKR pasti menerajui pakatan pembangkang untuk membentuk kerajaan di Selangor. Ini suatu tamparan hebat kepada kepimpinan Khir Toyo yang gagal melaksanakan tugas bagi memastikan BN menguasai Selangor. Dengan hanya memenangi 20 daripada 56 kerusi DUN, Khir sepatutnya mengukur diri beliau sendiri sebelum menuding kepada orang lain untuk mencari sebab kegagalan beliau membentuk kerajaan di Selangor.

Dengan gelaran negeri paling maju di Malaysia dan penguasaan hampir 40 peratus kegiatan ekonomi negara bertumpu di Selangor, kekalahan BN di Selangor turut dirasai oleh seluruh negara.

Apa akan jadi selepas ini apabila agensi pelaksana kerajaan negeri diberikan suntikan baru selaras dengan ideologi dan perancangan pakatan pembangkang? Penguasaan PKR di lubuk emas negara ini pasti memberikan satu tamparan paling hebat dalam sejarah negara.

Bukan setakat bedah siasat sahaja yang perlu dilakukan oleh BN, malah perlu diambil tindakan segera seperti pelan keceemasan untuk menambat kembali harapan dan hormat rakyat kepada BN. Imej BN

amat tercalar.

Mandat rakyat telah diluahkan. Pilihan mereka adalah tepat. Mereka mahukan suatu gelombang perubahan segera dilakukan oleh kerajaan untuk menjamin jangka hayat BN masih boleh berdenyut untuk tempoh empat atau lima tahun lagi.

Bagi Khir Toyo, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali dan Datuk Seri Mahdzir Khalid, walaupun mereka menang selesa dengan pertambahan majoriti di kawasan masing-masing, ia seperti tidak berguna lagi apabila keseluruhan negeri tidak dapat dikhaskan di bawah BN.

Yang pasti mereka bertiga bakal menjadi ketua pembangkang di DUN yang pernah suatu ketika mereka menerajui. Terimalah hakikat yang nyata ini. Mungkin ada pengajaran yang perlu diperhalusi ekoran kekalahan teruk BN di tiga negeri tersebut.

Inilah sebenarnya kuasa di tangan rakyat yang telah diluahkan dengan pancutan bisa kepada BN yang perlu dicari penawar dengan segera. Jangan salahkan rakyat terhadap keputusan yang telah pun dibuat. Tanpa rakyat tiadalah pemimpin parti politik untuk berkuasa memerintah.